Samsuri bin Harun dan satu lagi lwn Wong Chew Wah dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN SIVIL NO MT 3-12-234 TAHUN 1998

ZALEHA ZAHARI H

21 MAC 2003

Keterangan *— Percanggahan keterangan — Kemalangan jalanraya — Saksi memberi keterangan yang berbeza — Memilih keterangan yang patut dipercayai*

Keterangan *— Saksi — Kredibiliti — Penilaian — Saksi memberi keterangan yang berbeza — Sama ada mahkamah dapat memilih keterangan yang patut dipercayai*

Satu kemalangan jalan raya melibatkan beberapa kenderaan telah berlaku pada 1 September 1993. Pemandu lori WBS 3613 telah menghentikan lorinya di tengah jalan raya setelah tayar lorinya meletup. Ia menyalakan lampu isyarat 'hazard' serta berdiri di sebelah kiri lorinya. Lori defendan CW 9840 telah melanggar lori WBS 3613 tersebut. Lori defendan itu melintang jalan. Lebih kurang lima minit kemudian, semasa pemandu lori WBS 3613 sedang membantu pemandu lori CW 9840 tersebut lori defendan pula dilanggar oleh kereta WCR 492 yang dipandu plaintif. Plaintif telah memulakan tindakan ini terhadap pemandu lori yang dilanggarnya, iaitu CW 9840. Dalam laporan polisnya plaintif menyatakan bahawa semasa ia dalam perjalanan dari Slim River ke Jinjang bersama keluarganya, ada kemalangan jalan raya di hadapan. Ia cuba memberhentikan keretanya tetapi kerana terlalu dekat ia mengelusur ke hadapan dan terlanggar motor lori yang melintang jalan raya yang terlibat dalam kemalangan lain. Di mahkamah pula plaintif mendakwa apabila semasa tibanya di tempat kejadian, ia berada di lorong kanan lebuhraya yang ada dua lorong satu hala itu. Di sebelah kiri ada lori defendan. Di belakang lori itu ada kenderaan lain. Di kanannya terdapat penghadang pembahagi jalan. Ia memandu lebih kurang 90kmj. Tiba-tiba lori defendan itu masuk ke lorongnya. Ia tidak sempat mengelakkannya lalu terus melanggarnya. Ia mendakwa tidak tahu mengapa lori defendan itu masuk ke lorongnya dengan tiba-tiba. Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam memutuskan pihak defendan 100% cuai bagi kemalangan tersebut. Defendan merayu memohon agar plaintif didapati cuai 100% atas kemalangan ini. Sebagai alternatif, defendan memohon supaya mahkamah membenarkan tuntutan balas defendan dan liabiliti diagihkan 30% atas defendan, dan 70% ke atas plaintif. Peguam defendan berhujah bahawa plaintif telah memberi keterangan yang bercanggah atau berbeza di dalam laporan polisnya dan keterangannya di dalam mahkamah berhubung dengan bagaimana kemalangan ini berlaku. Maka plaintif merupakan seorang saksi yang tidak wajar dipercayai.

Diputuskan, membenarkan rayuan defendan:

(1) Setelah meneliti kedua-dua kenyataan plaintif, mahkamah berpendapat amatlah jelas plaintif telah memberi keterangan yang bercanggah berhubung dengan isu-isu yang material. Mahkamah memutuskan keterangan responden pertama bahawa kenyataan 'ada kemalangan jalan raya di hadapan, saya brek motokar saya tetapi motokar terlalu dekat saya mengelusur ke hadapan dan terlanggar besi penyambung kepala motor lori yang melintas jalan raya yang terlibat dalam kemalangan' di dalam laporan polis amat berbeza dengan keterangan di dalam mahkamah bila dia berkata 'Di kiri ada sebuah lori. Tiba-tiba lori itu masuk ke lorong saya. Saya tak sempat mengelak terus melanggarnya' merupakan percanggahan yang material. Versi yang wajar diterima adalah versi yang dibuat sebaik sahaja kejadian berlaku iaitu seperti yang diceritakan di dalam laporan polis responden pertama. Versi ini turut disokong oleh keterangan saksi bebas (lihat ms 239E–H).

(2) Soal yang berbangkit ialah sama ada responden pertama boleh disifatkan sebagai telah menyumbang kepada kemalangan kedua kerana tidak dapat berhenti setelah beliau sampai di tempat kejadian lima minit selepas kemalangan pertama telah berlaku, atau pun dipertanggungjawab 100%. Di dalam kes ini, tidak dipertikaikan bahawa pada waktu tersebut cuaca kabus. Dalam keadaan persekitaran tersebut, mahkamah berpendapat plaintif bertanggungjawab untuk memandu dengan lebih berhati-hati (lihat ms 239I–240A).

(3) Pihak perayu telah meyakinkan Mahkamah Tinggi bahawa hakim mahkamah sesyen telah tersilap atas isu liabiliti dan mahkamah ini harus mengubah keputusannya. Rayuan atas isu liabiliti telah dibenarkan dengan kos. Keputusan berhubung dengan liabiliti diketepikan. Liabiliti dibahagikan 30:70, iaitu 30% di atas perayu dan 70% atas responden. Mahkamah ini juga membenarkan tuntutan balas perayu terhadap responden dengan kos (lihat ms 240B–C).

[English summary

A road accident involving several vehicles occurred on 1 September 1993. The driver of lorry WBS 3613 stopped his lorry in the middle of the road after his lorry tyre exploded. He put on his hazard lights and stood on the left of his vehicle. The defendant's lorry CW 9840 then collided into his lorry WBS 3613. The defendant's lorry came to rest diagonally on the road. About five minutes later, as the driver of the lorry WBS 3613 was helping the driver of the lorry CW 9840, the defendant's lorry was struck by a car WCR 492 driven by the plaintiff. The plaintiff instituted this action against the driver of the lorry he struck, ie CW 9840. In his police report the plaintiff stated that while

he was on his way from Slim River to Jinjang with his family, there was an accident on the road ahead. He tried to stop his vehicle but failed to do so as the car skidded and struck the lorry which lay diagonally across the road after an earlier accident. In court however the plaintiff alleged that when he arrived at the scene, he was on the left of a two-lane highway. On his left was the defendant's lorry. Behind the lorry was another vehicle. On his right was the raised road divider. He was driving approximately 90kph. Suddenly the defendant's lorry encroached into his lane. He could not avoid the lorry and collided into it. He alleged he did not know why the lorry suddenly encroached into his lane. The sessions court judge at Shah Alam held the defendant 100% liable for the accident. The defendant appealed asking that the plaintiff be found liable 100% for the accident. In the alternative, the defendant asked that the court allow his counterclaim and that liabiliti be apportioned 30% against the defendant dan 70% against the plaintiff. Counsel for the defendant submitted that the plaintiff had given contradictory testimony in his police report and in court as to how the accident occurred. Thus, he was not a witness worthy of belief.

Held, allowing defendant's appeal:

(1) Having perused the plaintiff's two statements the court was of the opinion, it was clear that the plaintiff had given contradictory testimony on a material issue. The first respondent's statement that 'there was an accident on the road ahead, I braked my car but it was too close and my car skidded forward and collided into the motor lorry which lay diagonally across the road after a previous accident' in his police report varied a great deal from his testimony in court where he stated 'Di kiri ada sebuah lori. Tiba-tiba lori itu masuk ke lorong saya. Saya tak sempat mengelak terus melanggarnya' was a material contradiction. The version which ought to be accepted was the version made immediately after the incident, ie as stated in the first respondent's police report. This version was supported by the testimony of an independent witness (see p 239E–H).

(2) The question which arose was whether the plaintiff could be said to have contributed to the second accident in failing to stop when he arrived at the scene five minutes after the first accident, or whether he ought to be held to be 100% liable. In this case, it was not denied that the weather was misty. In such circumstances, the court found the plaintiff ought to have been more careful (see pp 239I–240A).

(3) The defendant had convinced the High Court that the sessions court judge on the issue of liability and that the High Court ought vary its decision. Thus, the appeal of the defendant on liability was allowed with costs. The decision on liability was

set aside. Liability was apportioned 30:70, ie 30% on the defendant and 70% on the plaintiff. The High Court also allowed the counterclaim of the defendant against the plaintiff with costs (see p 240B–C).

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kredibiliti, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 2405–2410.

Untuk kes-kes mengenai percanggahan keterangan dalam kemalangan jalanraya, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 2405–2410.

Rayuan daripada: Guaman Sivil No 53–46 Tahun 1994 (Mahkamah Sesyen, Shah Alam)

Jude Raj (*RK Nathan & Co*) bagi pihak perayu/defendan.
George Varghese (*Manjeet & Assoc*) bagi pihak responden/plaintif.

Zaleha Zahari H: Ini adalah rayuan pihak defendan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam bertarikh 27 Ogos 1998 atas isu liabiliti berhubung dengan satu kemalangan jalan raya yang telah berlaku pada 1 September 1993 di antara motorlori No CW 9840 yang dipandu oleh perayu pertama dan motokar No WCR 492 yang dipandu oleh responden pertama serta kadar 'nursing care' yang telah diawadkan untuk menjaga responden ketiga yang berada dalam keadaan 'vegetative' akibat dari kecederaan yang dialami olehnya berikutan dengan kemalangan tersebut.

Liabiliti

Hujahan peguam perayu

Encik Jude Raj, peguam perayu, berhujah hakim mahkamah sesyen ('HMS') tersilap dalam memutuskan pihak perayu pertama 100% liable bagi kemalangan tersebut.

Perhatian Mahkamah telah dirujuk kepada laporan polis Serendah Report No 1600/93 yang di buat oleh responden pertama ('SP2') pada 1 September 1993, (ms 98 rekod rayuan). Menurut laporan polis ini, SP2 menyatakan kemalangan berlaku seperti berikut:

> Pada jam lebih kurang 5.30 pagi 1 September 1993 saya dari Slim River mahu pergi ke Jinjang dengan memandu motokar No WCR 492 bersama keluarga saya, pada jam lebih kurang 6.30 pagi 1 September 1993 saya melalui lebuh raya Tg Malim/Bukit Taja Km berapa tidak tahu pada masa itu ada kemalangan jalan raya di hadapan, saya brek motokar saya tetapi kerana motokar terlalu dekat saya mengelusur ke hadapan dan terlanggar besi penyambung kepala motor lori yang melintas jalan raya yang terlibat dalam kemalangan. Saya tiada cedera isteri saya mengalami kecederaan di kepala motokar saya rosak, kerugian belum tahu.

Seterusnya, perhatian mahkamah dirujuk kepada keterangan SP2 di dalam mahkamah. Di dalam pemeriksaan utama (ms 49 rekod rayuan), SP2 menyatakan:

> Apabila saya tiba di situ saya berada di lorong kanan. Di kiri ada sebuah lori. Tiba-tiba lori itu masuk ke lorong saya. Saya tak sempat mengelak terus melanggarnya. Lebuhraya itu ada 2 lorong satu hala.
>
> Saya tak tahu kenapa lori itu masuk ke lorong saya dengan tiba-tiba.
>
> Saya memandu lebih kurang 90 kmj. Saya tak sempat mengelak. Di belakang lori itu ada kenderaan lain. Di kanan saya terdapat penghadang pembahagi jalan.
>
> Saya ada cuba brek kecemasan tapi gagal mengelakkan perlanggaran.
>
> ...
>
> ...
>
> Keadaan jalan raya ketika itu gelap lebih kurang 6 pagi. Saya ada pasang lampu besar kereta saya ketika itu. Di kawasan kemalangan tiada lampu jalan.

Di dalam pemeriksaan balas pula (ms 51 rekod rayuan), SP2 memberitahu:

> Pada pagi itu keadaan gelap dan berkabus. Saya tak setuju saya pandu motokar lebih daripada 90 kmj ketika itu. Jalan raya di situ lurus, kali pertama saya melihat lori itu lebih kurang 50 kaki dari saya.
>
> Bukan, kali pertama saya lihat lori itu, ianya bukan dalam kedudukan melintang jalan. Saya tak setuju saya lihat lori itu telah terlibat dalam kemalangan sebelum saya langgar lori itu.

Peguam perayu berhujah, perbandingan kenyataan-kenyataan ini menunjukkan bahawa SP2 telah memberi keterangan yang bercanggah/berbeza di dalam laporan polisnya dan keterangannya di dalam mahkamah berhubung dengan bagaimana kemalangan ini berlaku. Oleh yang demikian, peguam perayu menghujah SP2 merupakan seorang saksi yang tidak wajar dipercayai.

Perhatian mahkamah juga dirujuk kepada keterangan SP4 (pegawai penyiasat) yang menunjukkan kedudukan kenderaan-kenderaan yang terlibat dalam kemalangan ini.

Dari rajah kasar (eksh 'P3'), mahkamah mengambil maklum terdapat dua kenderaan lain, selain dari motorlori yang dipandu oleh perayu pertama ('FGHK' dalam rajah kasar) dan motokar responden (1) ('OPQR' dalam rajah kasar) iaitu, motorlori trailer No WBS 3613 ('STUV' dalam rajah kasar) dan motokar No BCR 3393 ('KLMN' dalam rajah kasar). Menurut rajah kasar, motorlori perayu pertama berada di dalam keadaan melintang jalan. SP4 telah memberi keterangan kerosakan motorlori perayu pertama adalah di bahagian belakang kanan dan kerosakan motokar responden pertama adalah di bahagian hadapan. Tiada tanda hazard diletak di sebelah motorlori WBS 3613.

Hujah peguam perayu, berdasarkan keterangan-keterangan saksi-saksi lain di hadapan mahkamah, lebih kemungkinan kemalangan berlaku seperti yang diceritakan oleh responden pertama. Keterangan-keterangan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Perayu pertama (SD1) memberi keterangan bahawa kemalangan di antara motorlorinya dan kereta responden pertama hanya berlaku setelah dia melanggar satu motorlori (WBS 3613) yang telah berhenti di tepi jalan. Menurut perayu pertama, tidak ada sebarang tanda sebelum dia sampai di tempat kejadian yang menunjukkan terdapat satu motorlori dalam keadaan berhenti di tepi jalan. Menurut perayu pertama lagi, dalam keadaan mana tempoh masa terlalu singkat, dan jarak terlalu dekat bila motorlori WBS 3613 yang berhenti di tepi jalan itu mula kelihatan, dia tidak berkesempatan untuk membuat apa-apa untuk mengelak motorlori WBS 3613 yang telah berhenti itu dan terus melanggarnya. Menurut perayu pertama lagi, pelanggaran di antara motorlorinya dengan motokar responden pertamahanya berlaku kemudian dari pelanggaran motorlorinya dan motorlori yang berhenti itu.

Keterangan perayu pertama ini telah disokong oleh seorang saksi bebas, iaitu, Sandaran a/l Appanan (SD2), pemandu motorlori No WBS 3613 yang telah menceritakan bagaimana pelanggaran di antara motorlorinya, dan motorlori No CW 9840 berlaku, yang kemudiannya telah di langgar oleh dua kereta yang lain, iaitu, motokar No WCR 492 dan motokar BCR 3393. Keterangan SD2 adalah seperti berikut:

> tayar motorlori saya meletup — saya buka lampu isyarat 'hazard'. Saya berhenti di kiri motorlori saya dalam rajah kasar ialah STUV. Tiba-tiba satu motorlori treler melanggar lori saya. Lori itu melintang jalan. Saya lihat ada kereta lain melanggar lori treler yang melintang jalan. Sebuah dipandu oleh seorang India dan sebuah lagi dipandu oleh orang, Cina itu kereta QROP.
>
> Dua kereta tersebut melanggar lori treler itu. Saya sedang membantu pemandu lori treler tersebut ketika itu. Jarak masa treler itu langgar saya dan motokar-motokar itu melanggar treler itu lebih kurang lima minit.
>
> Kedua-dua kereta bukan serentak melanggar lori treler itu. Kereta orang Cina itu dulu yang melanggar treler, kemudian baru kereta orang India itu melanggar treler tersebut.
>
> (ms 61–63 rekod rayuan)

Hujah peguam perayu, versi perayu pertama ini disokong oleh laporan polis yang dibuat oleh SP2 sendiri di ms 98 rekod rayuan.

Berdasarkan kepada semua keterangan ini, iaitu, keterangan responden pertama, SP4, SD1 dan SD2, peguam perayu menghujah adalah amat jelas kemalangan di antara motokar WCR492 dan motortreler CW9840 adalah disebabkan oleh kecuaian SP2. Menurutnya lagi, responden pertama telah memandu dengan kelajuan melebihi daripada kelajuan 90km sejam dalam keadaan cuaca kabus dan gelap, dan dalam hal keadaan sedemikian, responden pertama tidak sempat berhenti apabila dia sampai di tempat kejadian, iaitu, lima minit selepas perlanggaran di antara CW 9840 dan WBF 3613 berlaku.

Berhubung dengan isu kelajuan, peguam perayu telah menarik perhatian mahkamah kepada Bingham's Speed Table. Di dalam kes ini, menurut keterangan responden pertama, beliau telah memandu motokarnya dengan kelajuan 90km sejam. Dia telah nampak motorlori perayu pertama pada kali pertamanya 50 kaki di hadapannya. Menurut

Bingham's Speed Table, berdasar kelajuan 50 batu sejam 'thinking time' adalah 50 kaki, dan 'braking distance' pula adalah 125 kaki dalam keadaan cuaca yang baik, pada siang hari dan jalan kering. Peguam perayu menghujah, responden pertama cuai kerana memandu melebihi 90km sejam dalam cuaca gelap dan kabus.

Dalam hal sedemikian, peguam perayu memohon supaya mahkamah ini mengenepikan perintah hakim mahkamah sesyen dan memutuskan sebaliknya, iaitu, responden pertama adalah cuai 100% atas kemalangan ini. Sebagai alternatif, beliau memohon supaya mahkamah membenarkan tuntutan balas perayu dan liabiliti diagihkan 30% atas perayu/defendan, dan 70% ke atas plaintif/responden.

Hujahan peguam responden

Peguam responden mengambil isu wujud percanggahan di dalam keterangan SP2 di dalam mahkamah berbanding dengan laporan polis yang dibuat olehnya. Menurutnya, keterangan SP2 di dalam mahkamah merupakan keterangan yang lebih terperinci dan tidak boleh disifatkan sebagai satu perbezaan. Beliau juga menghujah, dalam keadaan mana SP2 tidak disoal balas atas 'percanggahan' yang telah dibangkitkan, SP2 tidak mempunyai peluang untuk menjelaskan isi kandungan laporan polisnya.

Berhubung dengan isu jarak masa di antara pelanggaran yang berlaku dengan agak cepat, iaitu, selama lima minit selepas perlanggaran pertama di antara motorlori perayu pertama (CW 9840) dengan motorlori WBS 3613 yang dipandu oleh SD2, dan perlanggaran di antara motokar responden pertama dengan motorlori CW 9840, peguam responden berhujah, ini tidak menukar liabiliti antara responden pertama dengan perayu pertama. Menurutnya yang penting ialah, pada ketika itu, cuaca kabus tebal dan tiada lampu di jalan raya.

Hujah peguam responden, kemalangan di antara motokar SP1 dan motor treler perayu adalah disebabkan oleh perayu pertama memandu kenderaannya ke dalam lorong kecemasan dan telah melanggar motorlori WBS 3613 yang telah berhenti di lorong tersebut. Menurutnya lagi, responden pertama tidak cuai kerana dia telah memandu dalam had laju yang dibenarkan, iaitu, 90km sejam, di dalam lorongnya, dan tiba-tiba mendapati keseluruhan lorongnya telah dihalang oleh motorlori perayu pertama. Dalam keadaan sedemikian, SP2 tidak berkeupayaan untuk mengambil sebarang tindakan untuk mengelakkan motorlori yang telah melintangi keseluruhan jalan tersebut.

Berhubung dengan isu masa untuk memikir ('thinking time') dan jarak untuk melaksanakan brake ('braking distance') yang dibangkitkan oleh peguam perayu, peguam responden berhujah SP2 tidak dapat membuat jangkaan bahawa satu lori akan menghalang laluannya sepenuhnya. Sebaliknya, peguam responden berhujah prinsip *res ipsa loquitur* terpakai ke atas perayu.

Dalam keadaan ini, peguam responden menghujah hakim mahkamah sesyen tidak tersilap apabila dia memutuskan perayu pertama

A bertanggungjawab 100% atas kemalangan ini dan memohon supaya rayuan terhadap liabiliti ditolak dengan kos.

Keputusan

Dari keterangan di hadapan mahkamah, adalah jelas lebih dari satu
B pelanggaran telah berlaku dalam tempoh masa yang singkat, pada tarikh, di tempat dan persekitaran yang sama, yang melibatkan beberapa kenderaan, antara lain:

(a) pelanggaran di antara motorlori CW 9840 dan motorlori No WBS3613 ('perlanggaran pertama');

C (b) pelanggaran di antara motokar WCR 492 dengan motorlori CW 9840 ('perlanggaran kedua').

Mahkamah mengambil maklum fakta-fakta berikut, iaitu, bahawa semua kenderaan yang terlibat sedang dipandu dari arah yang sama.

D Berdasar kepada keterangan di hadapan mahkamah, saya menerima sebagai kenyataan bahawa perlanggaran pertama berlaku akibat dari motorlori WBS 3613 berhenti dengan tiba-tiba secara kecemasan apabila tayarnya meletup yang memaksa SD2 berhenti di tepi jalan. Dalam keadaan kecemasan ini yang berlaku secara tiba-tiba, perayu pertama tidak sempat untuk berhenti dan telah melanggar WBS 3613, mengakibatkan
E motorlorinya CW 9840 berada dalam keadaan melintangi keseluruhan jalan raya.

Saya ingin menyentuh isu sama ada responden pertama telah memberi keterangan yang bercanggah atau pun tidak berbanding dengan laporan polisnya di peringkat ini. Setelah meneliti kedua-dua kenyataan responden pertama, saya bersependapat dengan hujahan peguam perayu. Pada
F pendapat saya, amat jelas responden pertama telah memberi keterangan yang bercanggah berhubung dengan isu-isu yang material. Saya memutuskan keterangan responden pertama bahawa:

> ... ada kemalangan jalan raya di hadapan, saya brek motokar saya tetapi motokar terlalu dekat saya mengelusur ke hadapan dan terlanggar besi
G penyambung kepala motor lori yang melintas jalan raya yang terlibat dalam kemalangan.

di dalam laporan polis amat berbeza dengan keterangan di dalam mahkamah bila dia berkata:

> Di kiri ada sebuah lori. Tiba-tiba lori itu masuk ke lorong saya. Saya tak
H sempat mengelak terus melanggarnya,

merupakan percanggahan yang material dan berdasarkan fakta kes ini versi yang wajar diterima adalah versi yang dibuat sebaik sahaja kejadian berlaku, iaitu, seperti yang diceritakan di' dalam laporan polis responden pertama dan bahawa versi ini turut disokong oleh keterangan saksi bebas,
I SD2.

Soal yang berbangkit ialah sama ada responden pertama boleh disifatkan sebagai telah menyumbang kepada kemalangan kerana tidak

dapat berhenti setelah beliau sampai di tempat kejadian lima minit selepas kemalangan pertama telah berlaku, atau pun dipertanggungjawab 100%?

Di dalam kes ini, tidak dipertikaikan bahawa pada waktu tersebut cuaca kabus. Pada pendapat saya, dalam keadaan persekitaran tersebut, responden pertama bertanggungjawab untuk memandu dengan lebih berhati-hati.

Dalam keseluruhan kes ini, pihak perayu telah meyakinkan saya bahawa hakim mahkamah sesyen telah tersilap atas isu liabiliti dan mahkamah ini harus mengubah keputusannya.

Dengan yang demikian, rayuan atas isu liabiliti telah dibenarkan dengan kos. Keputusan bertarikh 27 Ogos 1998 berhubung dengan liabiliti diketepikan. Liabiliti dibahagikan 30:70, iaitu 30% di atas perayu dan 70% atas responden. Saya telah juga membenarkan tuntutan balas perayu terhadap responden dengan kos.

Kuantum

Hanya satu isu telah dibangkitkan, iaitu kadar 'nursing care'. Pada tarikh kemalangan, responden ketiga (anak responden pertama) berumur enam bulan telah mengalami kecederaan parah di kepala. Akibat dari kecederaan otak yang dialaminya, responden ketiga sekarang ini berada dalam keadaan 'vegetative state' dan memerlukan pengawasan 'nursing care' sepenuh masa.

Peguam perayu menghujah jumlah RM800 yang diawardkan oleh hakim mahkamah sesyen adalah terlalu tinggi dan berpendapat RM500 sebulan memadai. Sebaliknya peguam responden berhujah jumlah RM800 adalah wajar.

Keputusan

Saya memutuskan atas autoriti-autoriti yang dikemukakan, hakim mahkamah sesyen tidak tersilap apabila dia menetapkan 'nursing care' menurut kadar RM800 sebulan dan dengan itu, award bagi butiran ini telah dikekalkan.

Rayuan defendan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Sivapragasam Kumaran